



## جابتن اكام إسلام فراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK  
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN  
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB  
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800  
Faks : 05-255 5512  
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi  
Jawatankuasa Kariah  
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1JLD2( 4 )

Tarikh: 9 Syaaban 1447  
26 Januari 2026

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

### HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

<b>Tarikh</b>	<b>30 Januari 2026 / 11 Syaaban 1447</b>
<b>Tajuk</b>	<b>Satu Kiblat Satu Umat</b>

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)**

Pengarah

Jabatan Agama Islam Perak

s.k: Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

MSN/HebahanKhutbah

**"PERAK SEJAHTERA 2030"**



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “SATU KIBLAT SATU UMAT”

30 Januari 2026 / 11 Syaaban 1447

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ<sup>1</sup>، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup>، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup>، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan; dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Memperingati peristiwa peralihan arah kiblat dari Baitulmuqaddis ke Masjidilharam yang berlaku pada bulan Syaaban, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk: “SATU KIBLAT, SATU UMAT”

Firman Allah SWT:

﴿قَدْ نَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَاهَا فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ  
الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ...﴾

Bermaksud: Sesungguhnya Kami melihat wajahmu (wahai Muhammad) sering mendongak ke langit, maka akan Kami hadapkan mukamu ke kiblat yang kamu sukai. Maka hadapkanlah mukamu ke arah Masjidilharam (tempat letaknya Kaabah). Dan walau di mana sahaja kamu berada, maka hadapkanlah mukamu ke arahnya.  
(Surah al-Baqarah ayat 144)

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa

Kiblat umat Islam pada awalnya ditetapkan menghadap Baitulmuqaddis kerana Kaabah ketika itu dipenuhi berhala di kelilingnya. Keadaan tersebut menjadikan orang Yahudi di Madinah bersifat megah, mengambil kesempatan memperleceh Nabi SAW; umat Islam dikatakan meniru cara beribadat orang Yahudi apabila menghadap ke Baitulmuqaddis ketika bersolat. Sikap orang Yahudi tersebut membuatkan Nabi Muhammad SAW berasa tidak senang. Setiap hari Baginda berdoa agar Allah menurunkan wahyu untuk ditukarkan arah kiblat. Setelah berada selama 17 bulan di Madinah, akhirnya Allah SWT mengabulkan doa Rasulullah SAW untuk menukar arah kiblat umat Islam dari Baitulmuqaddis ke Baitullah al-Haram di Mekah. Menurut Ibnu Kathir dalam tafsirnya, peristiwa turunnya wahyu pertukaran arah kiblat berlaku pada 15 Syaaban tahun kedua hijrah; berlaku ketika Nabi SAW dan para sahabat sedang menunaikan solat di *Masjid Bani Salamah* atau dikenali *Masjid Qiblatain*.

### **Jemaah yang dimuliakan**

Kiblat bermaksud arah menghadap Kaabah yang menjadi hala tuju umat Islam ketika menunaikan solat. Kaabah adalah lambang penyatuan umat Islam di seluruh dunia; tetapi perlu diingati, Kaabah hanyalah lambang, berperanan sebagai arah tuju beribadat umat Islam, tanpa sebarang niat menyembahnya, kerana pengabdian umat Islam hendaklah tertumpu hanya kepada Allah yang Maha Esa.

Perintah menghadap kiblat bukan hanya sekadar tuntutan ibadah, tetapi mengandungi falsafah yang sangat mendalam; menggambarkan umat Islam meski berada di mana sahaja, memiliki arah tujuan yang sama, untuk mendapat redha Illahi. Kiblat merupakan lambang penyatuan, kebersamaan dan kekuatan ummah, selaras dengan tuntutan agama untuk ummah bersatu teguh berpegang kepada tali Allah.

Perintah menghadap kiblat membawa beberapa hikmah besar dalam pembinaan kesatuan ummah:

### **Pertama: Melambangkan kesatuan dan perpaduan ummah**

Umat Islam sewaktu bersolat, menghadap arah kiblat yang sama tanpa mengira warna kulit, pangkat, mahupun kedudukan; menggambarkan kesatuan dalam Islam. Satu kiblat mengingatkan umat Islam bahawa perbezaan tidak seharusnya menjadi sebab perpecahan. Jika dalam solat kita boleh bersatu, maka dalam kehidupan bermasyarakat juga kita wajib mengutamakan penyatuan dan menghindari perbalahan yang boleh mencetuskan perpecahan lalu mengakibatkan ummah menjadi lemah.

### **Kedua: Ketaatan tanpa berbelah bagi**

Peristiwa perubahan arah kiblat dari Baitulmuqaddis ke Masjidilharam memperlihatkan ketaatan mutlak para sahabat terhadap perintah Allah SWT dan arahan Rasul Nya. Mereka patuh dan menerima perintah tersebut tanpa mempertikaikannya. Sifat ketaatan seperti inilah yang membentuk kekuatan umat. Jika umat Islam hari ini memiliki disiplin kepatuhan yang sama, nescaya maruah dan kegemilangan Islam akan kembali terserlah.

### **Ketiga: Membentuk kekuatan bersama**

Umat Islam yang sehati dan sekata bersetuju menghadap arah yang sama ketika solat, membuktikan arah hati dan tujuan umat adalah sama. Antara matlamat bersama yang wajib dipelihara ialah meninggikan syiar Islam, menegakkan keadilan, menjaga maruah dan kehormatan, membina negara yang aman lagi sejahtera, serta membantu saudara seagama yang ditimpa kesusahan. Kesatuan arah inilah yang melahirkan kekuatan umat Islam, ibarat sebatang tubuh yang teguh dan tidak mudah digugat.

### **Jemaah yang dimuliakan,**

Hari ini, meskipun umat Islam memiliki kiblat yang sama, tetapi diuji dengan perpecahan. Umat Islam kini semakin berselisih, berpecah malah bermusuhan kerana perebutan kuasa, perbezaan aliran politik yang membawa kepada pertelingkahan yang melampau, sikap mudah menghukum, serta budaya mengguna media sosial yang menyebarkan fitnah dan menyalakan api

persengketaan. Akhirnya kesatuan umat semakin rapuh dan ummah semakin lemah. Ummah yang lemah akan memberikan kemenangan mudah kepada musuh, ibarat boleh meratah umat Islam bagai menikmati hidangan yang lazat; seperti yang digambarkan oleh Nabi SAW melalui sebuah hadis daripada *Thawban RA*; katanya, Rasulullah SAW bersabda bermaksud: "Hampir terjadi pelbagai bangsa datang mengerumuni kamu sekalian (umat Islam) bagaikan orang yang lapar datang mengerumuni hidangan makanan." Seseorang bertanya: 'Apakah disebabkan kami ketika itu sedikit bilangannya?'. Baginda menjawab: 'Bahkan, kamu pada waktu itu ramai, namun kamu seperti buih air. Dan nescaya Allah akan mencabut daripada dada musuh kamu, rasa takut terhadap kamu, serta Allah akan melemparkan dalam hati kamu *al-wahan*." Lalu seseorang bertanya, 'Wahai Rasulullah, apakah *al-wahan* itu?' Baginda menjawab: 'Cinta dunia dan takutkan mati'.

(Riwayat Ahmad dan Abu Dawud)

Sesungguhnya perpecahan pasti menatijahkan ummah yang lemah, menghilangkan izzah Islam, dan membuka ruang kepada musuh untuk memperleceh agama Allah. Semoga kita dijauhkan daripada terlibat menjadi punca perbalahan dan perpecahan ummah. Marilah kita hayati ibrah satu kiblat sebagai lambang untuk menyatukan hati mendukung satu perjuangan.

### **Jemaah Rahimakumullah**

Mimbar mengutarakan empat peringatan berikut:

**Pertama:** Ummah hendaklah sentiasa bersatu atas dasar satu akidah dan satu kiblat yang sama. **Kedua:** Kekuatan umat Islam dapat diterjemahkan melalui kesatuan hati sebagaimana kita semua sepakat beribadah menghalakan arah kepada satu kiblat yang sama **Ketiga:** Perpecahan dalam kalangan umat Islam sangat merugikan dan melemahkan usaha untuk memperkukuhkan Islam. **Keempat:** Musuh Islam sentiasa mencari peluang atas kelemahan dan perpecahan yang berlaku dalam kalangan kita. Oleh itu kita hendaklah sentiasa berwaspada dan berhati-hati.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَثْبِتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!**, Satukanlah hati-hati kami menjadi umat yang berpegang dengan keimanan yang jitu. Hindarilah kami daripada berpecah belah serta sikap mementingkan diri sendiri sehingga boleh melemahkan umah. Jadikan kami umat yang teguh bersatu - kukuh berpadu, dan tidak dapat ditewaskan oleh musuh Mu.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

**Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mulk!**, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.